

14 FEB 2004

KEDAH RAYU LTdL DIADAKAN KEMBALI DI LANGKAWI

LANGKAWI, 14 Feb (Bernama) -- Kedah akan mengemukakan rayuan kepada Kementerian Belia dan Sukan serta First Cartel Sdn Bhd, iaitu penganjur lumba basikal berprestij Le Tour de Langkawi (LTdL) agar kejohanan itu diadakan kembali di Langkawi.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata kerajaan negeri berpendapat Langkawi wajar dijadikan gelanggang bagi peringkat pertama LTdL sebelum kejohanan itu dibawa ke tanah besar untuk peringkat seterusnya.

"Kita berharap LTdL dapat kembali diadakan di pulau ini. Langkawi amat sinonim dengan LTdL kerana kejohanan bertaraf antarabangsa itu mengambil nama sempena pulau lagenda ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Regatta Perdana Antarabangsa 2004 di sini malam tadi.

Sementara itu, beliau berkata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju menjadi pengerusi dailog Kedah Maju 2010 yang akan diadakan di sini pada 6 Mac ini.

Dailog itu dijangka dihadiri 200 peserta dari kalangan kenamaan dan tokoh korporat.

-- BERNAMA
ZI MAN ROS